

NO. SOALAN: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]**

TARIKH : 19 MAC 2015

RUJUKAN : 7703

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa tiada waran tangkap atau sekatan imigrasi (*restriction of Travel*) terhadap Koperal Sirul Azhar Umar sehingga beliau dapat melepaskan diri. Apakah rancangan Kerajaan untuk membawa balik Sirul untuk hukuman dijalankan memandangkan Kerajaan Australia tidak membenarkan banduan dihantar pulang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan amalan biasa di mana sesuatu hukuman belum lagi dijatuhkan, passport tertuduh akan dipegang oleh pihak mahkamah dan nama tertuduh akan dimasukkan ke dalam senarai syak Jabatan Imigresen Malaysia bagi mengelakkan tertuduh melarikan diri ke luar negara. Namun dalam kes Sirul, Mahkamah Rayuan telah membebaskannya daripada tuduhan membunuh. Oleh yang demikian, pasport tertuduh tidak lagi dipegang oleh mahkamah bagi menghalangnya keluar negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedang dalam proses untuk memulakan rundingan dengan Kerajaan Australia untuk membawa balik Sirul ke Malaysia bagi menjalani hukuman. Walaupun Malaysia dan Australia mempunyai triti ekstradisi yang telah ditandatangani pada 15 November 2005, namun proses ini memakan masa kerana ia melibatkan isu perundangan yang rumit dan perlu dikendalikan dengan berhati-hati. Selain menyentuh dasar dan undang-undang negara lain, usaha Kerajaan untuk membawa pulang Sirul turut menyentuh isu hak asasi manusia di mana tidak semua negara menyokong pelaksanaan hukuman mati.